



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

OPS TARING IV

20 OKTOBER 2016

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi Jabatan PERHILITAN telah menjalankan satu operasi khas yang dinamakan OPS TARING IV pada 19 Oktober 2016. OPS TARING ini merupakan siri operasi khas yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2014 sehingga sekarang yang bertujuan membanteras sindiket penjualan dan penyeludupan hidupan liar terutamanya jenayah penjualan hidupan liar atas talian. Sehingga kini sebanyak empat (4) siri OPS TARING telah dilaksanakan.

Kejayaan operasi ini hasil daripada pemantauan aktiviti penjualan hidupan liar atas talian dan perisikan yang telah dijalankan di lapangan oleh Jabatan PERHILITAN. Satu pasukan khas yang terdiri daripada 25 anggota penguatkuasa PERHILITAN telah digerakkan dan serbuan dijalankan serentak di lokasi yang telah dikenalpasti menjadi rangkaian utama penjualan hidupan liar secara haram.

Operasi ini melibatkan 3 buah negeri iaitu di Selangor, Kedah dan Kelantan. Hasil operasi ini adalah seperti di LAMPIRAN A.

Seramai 5 orang telah ditangkap dan kes disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan hukuman denda yang tertinggi yang boleh dikenakan adalah melibatkan pemilikan seekor anak harimau belang di bawah Seksyen 69(2), apabila disabitkan boleh dikenakan denda **TIDAK KURANG daripada satu ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit DAN dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.**

Jenayah hidupan liar ini merupakan satu jaringan penjenayah yang melibatkan orang tengah yang berperanan menyeludup hidupan liar dan mengutip sumber hidupan liar melalui masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan hutan bagi memenuhi kerakusan dan ketamakan golongan peniaga *petshop*.

Pada hari yang sama, kira-kira jam 9.00 malam, Jabatan PERHILITAN KLIA sekali lagi berjaya menahan seorang warganegara India yang disyaki menyeludup bahagian daripada hidupan liar yang disyaki spesies harimau belang yang diletakkan di dalam enam (6) bungkusan plastik. Lelaki tersebut ditahan di Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, KLIA, Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1, Aras 3, Bangunan Terminal Utama 64000 Sepang, Selangor. OKT ditahan reman untuk membantu siasatan.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 71 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] iaitu mengimport, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas. Mana-mana orang yang mengimport, mengeksport atau mengeksport semula mana-mana

hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda **TIDAK KURANG daripada tiga puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit DAN dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.**

Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang didapati terlibat dan bersekongkol dengan penjenayah hidupan liar. Sehubungan dengan itu, Kementerian menasihatkan kepada mereka yang masih menyimpan atau memelihara hidupan liar secara haram agar tampil membuat serahan dan memberi kerjasama kepada Jabatan PERHILITAN.

Diharapkan juga orang ramai akan terus memberikan sokongan dan membantu menjadi mata dan telinga Jabatan PERHILITAN melalui penyaluran maklumat dalam usaha melindungi khazanah negara agar tidak diancam kepupusan. Maklumat boleh disalurkan melalui PERHILITAN Hotline 1-800-88-5151 (Isnin- Ahad, 8.00 pagi – 6.00 petang) atau *e-aduan* melalui laman web Jabatan www.wildlife.gov.my.

LAMPIRAN A

BIL.	LOKASI / MASA	KATEGORI PREMIS	RAMPASAN	
			Spesies	Bilangan
1	Kampung Kuala Pangsun Hulu Langat, Selangor/ 7.30 pagi	Premis Kediaman	a) Tupai Kerawak	Satu (1)
2	Kampung Gahal Jaya di Hulu Langat, Selangor/ 12.30 tengah hari	Premis Kediaman	a) Anak Harimau Belang	Satu (1)
			b) Burung Lang Merah	Satu (1)
			c) <i>Dwarf caiman</i>	Satu (1)
			d) Pelanduk	Satu (1)
			e) Burung Tiong Mas	Satu (1)
			f) Burung Murai Batu	Tiga (3)
			g) Burung Gagak Gunung	Satu (1)
			h) Kucing Batu	Satu (1)
3	Wakaf Che Yeh, Kelantan/ 10.00 pagi	Petshop	a) Burung Hantu,	Satu (1)
			b) Burung <i>Mollucan Cockatoo</i>	Satu (1)
			c) Burung Ruak-Ruak,	Satu (1)
			d) Burung Punai Tanah	Satu (1)
			e) Anak Kera	Empat (4)
4	Jalan Gadek, Kupang, Kedah/ 12.00 tengah hari	Petshop	a) Burung Mata Putih	Satu (1)
			b) Kura-kura Kolam	Satu (1)
			c) Burung Murai Batu	Tiga (3)
5	Kampung Teluk Durian, Kupang, Kedah/ 1.00 petang	Premis kediaman	a) Binturong	Dua (2)
			b) Tupai Gading	Dua (2)
			c) Burung Murai Batu	Dua (2)
			d) Burung Bayan Puling	Dua (2)